

**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
MALAYSIAN INSTITUTE OF INDUSTRIAL TECHNOLOGY**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2016 SEMESTER**

COURSE CODE : MPU 2313
COURSE TITLE : AMALAN ISLAM DI MALAYSIA
PROGRAMME LEVEL : DIPLOMA
DATE : 18 MEI 2016
TIME : 2.30 PM -- 5.30 PM
DURATION : 3 HOURS

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- 1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.**
 - 2. This question paper is printed on both sides of the paper.**
 - 3. This question paper consists of TWO (2) sections.**
 - 4. Answer ALL questions in Section A. Choose TWO (2) questions in section B.**
 - 5. Please write your answers on the OMR form and answer booklet provided.**
 - 6. Please answer all questions in Malay only.**
-

THERE ARE 20 PAGES OF QUESTIONS EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 60 Markah)**SOALAN OBJEKTIF****ARAHAN: Jawab SEMUA Soalan****Sila gunakan kertas OMR untuk menjawab soalan objektif.**

- 1 Islam adalah agama yang datang daripada Allah, bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah. Hal ini merujuk Islam bersifat
 - A. Syumuliyah
 - B. Rabbani
 - C. Thabat wal Murunah
 - D. 'Alamiyyah

- 2 Liberalisme ialah
 - A. Fahaman bahawa manusia mempunyai kebebasan dalam membuat keputusan dan memilih cara hidup dan kepercayaan.
 - B. Asas kehidupan manusia yang mementingkan logik dan rasional.
 - C. Teori atau sistem sosial dan ekonomi yang mengutamakan pembahagian sama rata sumber kekayaan negara kepada seluruh rakyat.
 - D. Fahaman yang memisahkan urusan kehidupan dunia daripada agama.

- 3 Segumpal darah merujuk kepada dan segumpal daging merujuk kepada
 - A. 'Alaqah... Mudghah.
 - B. Mudghah... 'Alaqah.
 - C. 'Izam ... 'Alaqah.
 - D. 'Izam ... Mudghah.

- 4 Berikut ialah faktor-faktor manusia memerlukan agama **KECUALI**
 - A. Fitrah manusia memiliki naluri beragama.
 - B. Kecenderungan manusia hidup mengikut peraturan.
 - C. Kelemahan akal manusia untuk mentafsir kewujudan makhluk.
 - D. Agama menyebabkan seseorang taat dan patuh secara membuta tuli.

- 5 Berikut ialah keistimewaan Al-Quran **KECUALI**
- A. Ketinggian Bahasa Al-Quran dari segi susunan dan kesusasteraan
 - B. Memberitakan peristiwa-peristiwa yang bakal berlaku
 - C. Menceritakan peristiwa lampau dan kisah-kisah umat terdahulu
 - D. Mengandungi fakta-fakta sains yang menepati kajian barat.
- 6 Mengikuti As-Sunnah adalah penting kerana perkara berikut **KECUALI**
- A. Mengetahui hukum Islam secara lebih terperinci.
 - B. Mengamalkan suruhan Al-Quran seperti yang dilakukan oleh Rasulullah.
 - C. Mengikut budaya Arab kerana Rasulullah daripada bangsa Arab.
 - D. Memahami asas Islam dengan huraian Rasulullah.
- 7 Berikut ialah tahap-tahap perkembangan Islam di Tanah Melayu **KECUALI**
- A. Tahap persinggahan
 - B. Tahap pertapakan
 - C. Tahap penyebaran secara besar- besaran.
 - D. Tahap penyerangan secara besar-besaran.
- 8 Agama wahyu merujuk kepada agama yang berasaskan
- A. Berita-berita yang sampai daripada langit daripada Tuhan yang Maha Esa.
 - B. Ajaran tertentu dan falsafah pemikiran.
 - C. Sentiasa berubah-berubah pada ajarannya mengikut zaman dan tempat.
 - D. Kepercayaan tentang jelmaan-jelmaan tertentu.
- 9 Berikut ialah penghafaz-penghafaz Al-Quran pada zaman Rasulullah SAW **KECUALI**
- A. Abdullah ibn Mas'ud
 - B. Muadz bin Jabal
 - C. Ubai bin Salul
 - D. Zaid ibn Thabit

10 Uruf merujuk kepada

- A. Adat dan budaya masyarakat setempat.
- B. Kepercayaan dan pegangan agama sesuatu tempat.
- C. Hukum dan peraturan manusia.
- D. Kebiasaan dalam amalan.

11

Tok Ku Paloh dilantik sebagai Syaikh al-Ulama bagi Dewan Ulama semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) disamping mengarang banyak kitab agama.
Tok Ku Paloh juga terlibat dalam menggubal Perlembagaan Islam Terengganu pada 2 November 1911 yang dikenali sebagai Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk.

Kenyataan di atas menunjukkan:

- A. Terengganu pernah melaksanakan undang-undang Islam.
- B. Pemerintah mempunyai hubungan yang rapat dengan para ulama.
- C. Ulama memainkan peranan yang sangat penting dalam pentadbiran di Terengganu pada waktu itu.
- D. Ulama adalah golongan yang sentiasa mengarang kitab agama yang banyak.

Menakluki Kota Konstantinopel
Menggunakan meriam buatan Hungary
Disifatkan Nabi saw sebagai sebaik-baik tentera pada zamannya

12 Kenyataan di atas merujuk kepada:

- A. Saidina Abu Bakar.
- B. Salahuddin al-Ayyubi.
- C. Khalid al-Walid.
- D. Sultan Muhammad al-Fateh.

- 13 Hukuman yang diputuskan oleh mahkamah Islam kerana tiada peruntukan dalam al-Quran dan al-Sunnah dikenali sebagai:
- A. Hudud
 - B. Qisas
 - C. Diyyat
 - D. Ta'zir

- 14 Pesalah yang didapati bersalah mencederakan anggota tubuh seseorang dibalas kembali dengan dcederakan anggota tubuhnya.
Pesalah yang didapati bersalah membunuh seseorang dijalankan ke atasnya hukuman bunuh balas.

Kenyataan di atas merujuk kepada hukum:

- A. Hudud
- B. Qisas
- C. Diyyat
- D. Ta'zir

- 15 Pentadbiran berasaskan musyawarah.
Keputusan daripada muzakarah.
Kesepakatan/kesatuan pendapat (wihdatul fikr).
Al-Quran dan Sunnah sandaran asas.

Prinsip-prinsip di atas merujuk kepada:

- A. Syura
- B. Hisbah
- C. Pemerintahan Saidina Ali.
- D. Pemerintahan Saidina Umar.

- 16 Menangkap pasangan yang belum berkahwin yang melakukan maksiat di tempat-tempat rekreasi awam adalah satu tindakan yang wajar berasaskan kepada sumber hukum
- A. Istihsan
 - B. Istishab
 - C. Saddu Az-Zarai'e
 - D. Uruf
- 17 Minum arak diharamkan dan dikenakan hukuman jenayah Islam kerana
- A. Arak adalah minuman yang paling bahaya menurut pandangan Islam.
 - B. Arak merupakan ibu segala maksiat.
 - C. Arak merupakan minuman yang paling banyak keuntungannya kepada golongan kafir musuh Islam.
 - D. Arak merupakan alat yang digunakan untuk merosakan umat Islam.
- 18 Penyucian dalam konsep ekonomi Islam ialah seperti berikut
- I. Pembersihan jiwa.
 - II. Pembersihan harta.
 - III. Pembersihan interaksi dan kemanusiaan.
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I dan III.
 - D. I, II, dan III.
- 19 Kapitalisme merupakan sistem ekonomi yang menindas kerana
- A. Memberikan kebebasan mutlak kepada sesiapa untuk memperolehi kekayaan.
 - B. Menindas buruh-buruh daripada negara-negara miskin.
 - C. Menghalalkan riba' yang bersifat zalim.
 - D. Menjadikan sistem berasaskan liberal iaitu kebebasan.

- 20 Seseorang lelaki diharuskan melihat seseorang wanita yang ingin dinikahinya perkara-perkara berikut iaitu:
- A. muka dan tangan.
 - B. muka dan kedua-dua tapak tangan.
 - C. muka, tapak tangan dan kaki hingga buku lali.
 - D. muka dan sebahagian tangan hingga ke siku.

21


Ada yang mengatakan Parameswara adalah raja yang pertama memeluk Islam pada tahun 1414 seterusnya menukar namanya kepada Sultan Iskandar Syah. Ada yang mengatakan yang pertama memeluk Islam ialah Sultan Muhammad Syah. Pendapat lain pula mengatakan raja yang ketiga Melaka iaitu Raja Tengah yang pertama memeluk Islam hasil dakwah ulama Arab Maulana Sayid Abdul Aziz dan menukar namanya kepada Sultan Muhammad Syah (1424-1444)

Kenyataan di atas memberikan gambaran bahawa

- A. Melaka menerima pengaruh Islam daripada pendakwah Arab.
 - B. Perkembangan Islam di Melaka bermula daripada pihak istana yang memeluk Islam dan kemudian diikuti oleh rakyat bawahan.
 - C. Pendapat yang paling tepat pengislaman kesultanan Melayu Melaka ialah pengislaman raja yang ketiga Melaka iaitu Raja Tengah.
 - D. Pengislaman telah berlaku di Melaka lebih awal daripada negeri-negeri lain.
- 22 Sistem demokrasi mempunyai beberapa persamaan dengan sistem syura dalam Islam. Sistem demokrasi telah dimanfaatkan oleh pergerakan Islam bagi menegakkan sistem pemerintahan Islam di negara masing-masing. Persamaan demokrasi dan syura adalah seperti berikut **KECUALI**
- A. Mengambil pandangan banyak pihak.
 - B. Pandangan pakar sesuatu bidang akan diambil kira.
 - C. Sesi perbincangan dan perbahasan di antara banyak pihak untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.
 - D. Undi majoriti adalah suatu keputusan yang mutlak.

- 23 Berikut ialah konsep definisi Islam yang betul **KECUALI**
- I. Tunduk dan menyerah diri kepada Allah SWT.
 - II. Sistem kehidupan yang lengkap yang mengatur kehidupan manusia.
 - III. Beriman kepada Allah SWT, rasul, kitab, malaikat, hari kiamat, qadha' dan qadar-Nya.
 - IV. Beribadat seperti seseorang melihat atau dilihat Allah SWT.
- A. I dan II.
 - B. I dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. I, II, III dan IV.
- 24 Berikut ialah contoh-contoh ibadah khusus **KECUALI**
- A. Menyambut Maulidur Rasul.
 - B. Solat Tahajud
 - C. Membaca Al-Quran
 - D. Puasa 3 hari dalam sebulan.

25



- Konsep pembinaan hukum Islam mempunyai keistimewaan tertentu seperti pengharaman arak, hukum haramnya terbina secara
- A. Beransur-ansur pengharamannya.
 - B. Diharamkan sekaligus.
 - C. Dibenarkan secara berperingkat.
 - D. Dibenarkan menggunakannya untuk manfaat manusia.

- 26 Perbankan Islam menepati syariat kerana prinsip-prinsip berikut **KECUALI**
- A. Bebas daripada amalan riba'.
 - B. Bebas daripada unsur perjudian.
 - C. Bebas daripada unsur penipuan.
 - D. Bebas daripada undang-undang sivil.
- 27 Kepentingan institusi masjid perlu diberi perhatian oleh generasi muda agar dapat memajukan dan mengaktifkan aktiviti yang dijalankan. Namun, kesedaran ini masih minimum di peringkat golongan muda. Hal ini disebabkan
- I. Masjid tidak menyediakan tempat riadah yang menjadi kegemaran golongan muda.
 - II. Ahli jawatankuasa masjid tidak dilantik di kalangan golongan muda.
 - III. Aktiviti yang dijalankan masih kurang menarik perhatian dan minat golongan muda.
 - IV. Pengurusan dan pentadbiran masjid kurang teratur dan sistematik.
- A. I dan II.
 - B. I, II, dan III.
 - C. I, III, dan IV.
 - D. III dan IV
- 28 Multi-sistem pemerintahan yang berlaku dalam negara-negara umat Islam kini akibat daripada
- A. Faktor penjajahan kolonial dan faktor sejarah.
 - B. Faktor penjajahan kolonial dan faktor agama.
 - C. Faktor sejarah dan faktor ekonomi.
 - D. Faktor sejarah dan faktor politik.
- 29 Kelebihan mengimarahkan masjid adalah seperti berikut **KECUALI**
- A. Mendapat pahala solat berjemaah.
 - B. Mengenali masyarakat setempat.
 - C. Mendapat jamuan percuma apabila ada majlis ceramah.
 - D. Menggalakkan perpaduan dan kerjasama di kalangan penduduk.

- 30 Beliau yang menubuhkan Baitul Mal semasa pemerintahan beliau iaitu
- A. Khalifah Abu Bakar
 - B. Khalifah Umar
 - C. Khalifah Uthman
 - D. Khalifah Ali

- 31
- Firman Allah: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat
(Al-Baqarah: 43)

Maksud ayat di atas menunjukkan bahawa:

- A. Solat dan zakat adalah wajib.
- B. Solat dan zakat adalah wajib fardhu ain.
- C. Ayat muhkamat iaitu ayat hukum berkenaan kewajipan solat dan zakat.
- D. Ayat mutasyabihat iaitu ayat yang tidak jelas maksudnya.

- 32
- Nabi bersifat maksum dan diberikan mukjizat
Wajib mengikut suruhan Nabi
Telah ditetapkan secara qat'ie bahawa Rasulullah adalah utusan Allah

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan:

- A. Wajib mengikut sunnah Rasulullah SAW.
- B. Ijmak ulama' menyatakan kehujahan As-Sunnah sebagai panduan hidup manusia.
- C. Nabi Muhammad merupakan penghulu seluruh Nabi dan Rasul.
- D. Nabi membawa pedoman kepada seluruh umat.

33

Membenarkan solat duduk sekiranya tidak mampu berdiri
 Mengupah haji apabila tidak mampu untuk mengerjakan haji sendiri.
 Berbuka puasa kerana sakit yang berat dan tidak mampu menahan lapar.

Perkara-perkara di atas menunjukkan Islam bersifat dengan sifat:

- A. Waq'eyyah (realistik)
- B. Thabat wal Murunah (tetap dan anjal)
- C. Syumuliyah (sempurna dan lengkap)
- D. Wasatiyyah (sederhana)

34



Antara punca perceraian dalam tempoh yang singkat selepas perkahwinan ialah seperti berikut **KECUALI**

- A. Belajar di luar negara.
- B. Tidak menjaga solat.
- C. Tidak mempunyai pegangan dan ilmu agama.
- D. Ibu bapa yang selalu mencampuri urusan rumah tangga anak.

35


Tidak boleh diubah
Tiada pengecualian (pangkat / taraf)
Tiada sempadan & negeri (bumi milik Allah)

Perkara di atas menunjukkan keistimewaan perundangan Islam berbanding perundangan barat. Hal ini kerana

- A. Perundangan Islam datang daripada Allah dan perundangan barat adalah ciptaan manusia.
 - B. Perundangan Islam bersumberkan Al-Quran, As-Sunnah dan para ulama' yang dipelihara oleh Allah.
 - C. Perundangan Islam muncul di tengah-tengah tamadun dunia iaitu Tanah Arab.
 - D. Perundangan Islam sentiasa berubah mengikut masa dan tempat.
- 36 Berikut ialah langkah-langkah memastikan masyarakat Islam Melayu di Malaysia dalam keadaan aman dan tenang **KECUALI**
- A. Kembali kepada akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah.
 - B. Mengimbangkan konsep keaslian dan kemodenan dengan meraikan perubahan massa yang berlaku tanpa meninggalkan khazanah ilmu ulama silam.
 - C. Umara dan Ulama sering berganding bahu dan berbincang sebarang kepentingan negara.
 - D. Menyatukan masyarakat dengan satu persatuan atau pertubuhan.
- 37 Penyebaran Islam yang dilakukan oleh para pendakwah masa lalu memberikan faedah kepada golongan Islam masa kini kerana
- A. Islam agama yang dianuti 90 peratus di Malaysia.
 - B. Hanya Islam agama yang boleh dilaksanakan secara keseluruhan.
 - C. Sistem beraja yang memelihara agama Islam.
 - D. Undang-undang Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.

38 Berikut ialah bahagian-bahagian dalam syariah **KEQUALI**

- A. Muamalat
- B. Munakahat
- C. Ibadat
- D. Muzakarah



Soalan 39 dan 40 berdasarkan gambar di atas.

39 Berikut ialah sebab-sebab Islam mengharuskan membela anjing **KEQUALI**

- A. Berburu.
- B. Menjaga keselamatan ladang dan ternakan.
- C. Tujuan forensik iaitu penyiasatan jenayah.
- D. Haiwan peliharaan di rumah.

- 40 Pada 19 Oktober 2014, telah dianjurkan satu program "I want to touch a dog" dengan tujuan menggalakkan umat Islam agar tidak takut dan stigma pada anjing. Program ini mempunyai pro dan kontra kerana
- A. Islam menganjurkan agar berbuat baik kepada semua makhluk termasuk haiwan.
 - B. Islam membenarkan membela anjing untuk tujuan tertentu dan bukan untuk tujuan haiwan peliharaan dan malaikat tidak masuk ke rumah yang ada dipelihara anjing.
 - C. Islam memandang hina kepada haiwan seperti anjing kerana termasuk dalam najis mughallazah.
 - D. Memelihara anjing adalah suatu perbuatan yang diharuskan oleh syarak.
-
- 41 Islam melarang seorang lelaki dan seorang wanita duduk berdua-duaan kerana
- A. Terdapat yang ketiga iaitu syaitan yang akan menggoda untuk melakukan maksiat.
 - B. Nafsu wanita lebih kuat daripada lelaki.
 - C. Lelaki akan mengambil kesempatan di atas kelembutan dan kelemahan wanita.
 - D. Duduk berdua-duaan akan memberikan ruang untuk membuat sesuatu yang lebih daripada itu.
- 42 Pendidikan Islam amat penting kepada setiap muslim kerana
- A. Agama Islam akan menyelamatkan seseorang daripada masuk neraka.
 - B. Agama Islam memandu kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat.
 - C. Agama Islam adalah agama yang diredhai Allah swt.
 - D. Agama Islam adalah cara hidup yang sesuai dengan zaman kini.
- 43 Menutup aurat dengan sempurna memberi kebaikan kepada wanita kerana
- A. Melindungi diri daripada habuk dan kuman-kuman.
 - B. Mematuhi peraturan sekolah dan institusi.
 - C. Mengikut peredaran zaman ramai yang telah memakai tudung.
 - D. Mengikut syariat dan hukum yang ditetapkan oleh Allah.

- 44 Amar makruf dan nahi mungkar merupakan salah satu daripada ciri-ciri utama ajaran Islam. Hal ini kerana
- A. Amar makruf dan nahi mungkar boleh mengurangkan maksiat dan kegiatan zina di kalangan masyarakat.
 - B. Menjadikan umat Islam umat yang terbaik dan dihormati.
 - C. Memudahkan pihak berkuasa bertindak dan menguatkuasakan undang-undang membanteras maksiat.
 - D. Membantu negara mengatasi masalah sosial.
- 45 Sumber hukum dan panduan hidup manusia adalah berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Hal ini kerana
- A. Al-Quran dan As-Sunnah mengandungi maklumat penting dalam mengatur hidup.
 - B. Al-Quran dan As-Sunnah merupakan wahyu dan pegangan untuk diikuti.
 - C. Al-Quran dan As-Sunnah apabila membacanya dapat pahala.
 - D. Al-Quran dan As-Sunnah perlu disemak kembali untuk kesesuaian hidup moden kini.
- 46 Berikut ialah masalah dan cabaran masjid **KECUALI**
- A. Menyediakan tempat ibadah yang selesa.
 - B. Menyediakan kemudahan yang selesa kepada para pelancong khususnya non-muslim.
 - C. Menyediakan program pengukuhan ilmu dan penjanaaan diri.
 - D. Menjadikan institusi masjid sebagai medan pengukuhan silaturahim.
- 47 Berita yang diperolehi daripada sumber media sosial seperti Facebook perlu dipastikan kebenarannya kerana sebab berikut **KECUALI**
- A. Untuk mengelakkan daripada terleka dengan '*posting*' orang lain.
 - B. Untuk mengelakkan daripada menyebarkan perkara yang tidak benar.
 - C. Untuk mengelakkan daripada menfitnah orang lain.
 - D. Untuk mengelakkan daripada membazir masa, wang, dan ruang.

- 48 Pembuangan bayi semakin berleluasa akibat perkara-perkara berikut
- I. Media cetak dan elektronik yang bebas termasuk perkara-perkara lucah.
 - II. Institusi keluarga yang semakin lemah memberi ruang anak gadis bebas bersosial.
 - III. Pegangan agama masyarakat yang semakin lemah.
 - IV. Kemunculan banyak pusat-pusat hiburan.
- A. I dan II.
 - B. I, II, dan III.
 - C. I, II, dan IV.
 - D. I, II, III, dan IV.
-
- 49 Berikut ialah adab-adab seorang anak murid terhadap gurunya **KECUALI**
- A. Mendengar nasihat dan mengikuti arahan yang diberikan.
 - B. Sentiasa mendoakan kesejahteraan guru.
 - C. Tidak menyampuk atau memotong kata-kata guru.
 - D. Menganggap guru sebagai kawan untuk bergurau dan bermain.
- 50 Sebagai seorang Muslim, hendaklah menguasai ilmu Fardhu Ain seperti
- A. Ilmu ICT.
 - B. Ilmu mengarang esei.
 - C. Ilmu tentang solat.
 - D. Ilmu tentang politik.
- 51 Iman mempunyai ciri-ciri berikut **KECUALI**
- A. Membenarkan dengan hati.
 - B. Berikrar dengan lisan.
 - C. Mengamalkan dengan anggota.
 - D. Melupakan perkara yang lepas.
- 52 Seseorang muslim wajib memelihara aurat kerana sebab berikut **KECUALI**
- A. Memelihara maruah.
 - B. Mengikut fesyen dan *trend* baru.
 - C. Menunaikan kewajipan sebagai seorang muslim.
 - D. Meningkatkan syiar Islam.


53

Mempersaudarakan puak Muhajirin (orang-orang yang berpindah ke Madinah) dengan golongan Ansar (Penduduk tempatan Madinah).
Menyatupadukan suku Aws dengan Khazraj.
Mengasimilasikan keturunan Arab dengan bukan Arab (A'jam)

Kenyataan-kenyataan di atas merujuk kepada

- A. Rasulullah menghapuskan Assabiyah di kalangan masyarakat Madinah.
- B. Rasulullah menyatukan golongan-golongan yang berperang di kalangan masyarakat Madinah.
- C. Rasulullah menghadapi tentangan hebat dalam menyatupadukan penduduk Madinah.
- D. Rasulullah memperbaiki hubungan Muhajirin dan Ansar yang sering berperang.

54



Masjid mempunyai nilai seperti berikut **KECUALI**

- A. Menjadikannya sebagai pusat institut sosial dalam pembentukan masyarakat dan pembinaan ummah.
- B. Tempat beribadat.
- C. Pusat penyebaran maklumat.
- D. Membuat penyelidikan dan pembangunan.

- 55 Keganasan rumah tangga berlaku akibat
- A. Hak dan tanggungjawab suami atau isteri tidak ditunaikan dengan baik.
 - B. Suami tidak cukup wang untuk menyara keluarga.
 - C. Isteri keluar bekerja hingga mengabaikan tugas sebagai isteri dan ibu.
 - D. Anak-anak tidak menghormati orang tua.

- 56
- | |
|---|
| <p>Dimulakan dengan niat
Tidak bertentangan dengan hukum syarak
Dilakukan dengan bersungguh-sungguh
Tidak meninggalkan ibadah wajib</p> |
|---|

Perkara-perkara di atas merujuk kepada

- A. Ibadah umum.
- B. Ibadah khusus.
- C. Konsep ibadah.
- D. Ibadah yang ikhlas.

- 57
- | |
|---|
| <p>Hanya tertakluk kepada keadaan bermusafir dengan jarak melebihi 85 KM.
Hanya boleh di qasar apabila telah melepasi sempadan kampung atau taman perumahannya.
Mengetahui destinasiya dan ia tidak bertujuan maksiat.
Tidak berimamkan orang yang menunaikan solat penuh (4 rakaat).</p> |
|---|

Perkara-perkara di atas menunjukkan

- A. Kewajipan solat yang tidak boleh ditinggalkan sama sekali.
- B. Syarat-syarat jamak dan qasar dalam solat.
- C. Jamak dan qasar adalah kewajipan ke atas Muslim yang bermusafir.
- D. Solat boleh dilakukan secara jamak dan qasar walaupun dengan menaiki pesawat.

- 58 Islam meletakkan ulama' di tempat mulia kerana
- A. Ulama' ialah pewaris pada Anbiya' dan takut pada Allah.
 - B. Ulama' ialah mereka yang belajar daripada Timur Tengah.
 - C. Ulama' ialah mereka yang mengetahui banyak ilmu.
 - D. Ulama' adalah mereka yang membuat fatwa dan mengaji ilmu agama.
- 59 Berikut ialah tokoh-tokoh Ahlus Sunnah Wal Jamaah **KECUALI**
- A. Imam Hanafi Ar-Rasyid
 - B. Imam Malik bin Anas
 - C. Imam Muhammad bin Idris
 - D. Imam Ahmad bin Hanbal
-
- 60 Zaki mempunyai adik sesusuan iaitu Zakiah. Zawawi pula adik Zaki telah berkenalan dengan Zakiah dan berhasrat untuk berkahwin dengannya. Hukumnya ialah
- A. Haram kerana Zawawi merupakan adik-beradik sesusuan dengan Zakiah.
 - B. Haram kerana Zawawi adalah adik Zaki.
 - C. Halal kerana hanya Zaki yang sesusuan dengan Zakiah.
 - D. Halal kerana mereka tiada apa-apa hubungan kekeluargaan.

BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)

**ARAHAN : Jawab DUA (2) soalan sahaja.
Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

Soalan 1

- a) Huraikan maksud Islam, Iman, dan Ihsan menurut bahasa dan istilah. (10 markah)
-
- b) Jelaskan maksud Maqasid Asy-Syariah. (2 markah)
- c) Terangkan EMPAT (4) sahaja ciri-ciri tasawur Islam. (8 markah)

Soalan 2

- a) Jelaskan proses kejadian manusia yang menjadi bukti kekuasaan Allah SWT. (8 markah)
- b) Huraikan hak-hak Allah SWT dan hak-hak manusia. (10 markah)
- c) Berikan DUA (2) definisi ilmu. (2 markah)

Soalan 3

- a) Huraikan EMPAT (4) ciri pasangan yang disarankan oleh Rasulullah SAW. (8 markah)
- b) Nyatakan TIGA (3) golongan wanita yang haram dikahwini dengan contoh-contoh yang sesuai. (6 markah)

c) Jelaskan TIGA (3) tanggungjawab suami dan TIGA (3) hak suami.

(6 markah)

Soalan 4

a) Huraikan LIMA (5) bentuk interaksi antara tamadun Islam dan tamadun barat.

(10 markah)

b) Huraikan unsur-unsur seni yang digunakan dalam dakwah pada masa kini.

(10 markah)

END OF EXAMINATION PAPER

